

Mampukah BN Gugat Angkatan?

DILEMA POLITIK KELANTAN



MOHD SAYUTI OMAR

DILEMA POLITIK KELANTAN

Mampukah BN Gugat Angkatan?



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PRAKATA

Assalamualaikum

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah swt kerana masih memberi kesempatan kepada kita untuk bersua melalui buku ini. Ini adalah buku saya yang ke 10 dan pertama pada tahun ini (1994). Buku ini bersifat "kedaerahan" sedikit kerana seratus peratus perbicaraanya tertumpu kepada hal ehwal politik negeri Kelantan.

Begitu pun saya percaya ia tetap menjadi perhatian umum, memandangkan perihal politik Kelantan serta para politikusnya yang sering kali menjadi sorotan dan ulasan dari masa kesemasa.

Saya yakin ... seperti buku-buku politik saya sebelum ini, kehadiran buku ini juga tidak akan disenangi dan ada pihak yang merasa terkilan dengannya. Tentu ada yang akan memaki saya dan menuduh saya menulis kerana kepentingan-kepentingan tertentu.

Sebenarnya itu adalah perkara biasa kepada seseorang penulis. Bagi saya, sebagai seorang penulis, saya terpaksa juga menyatakan sesuatu walaupun ianya

DILEMA POLITIK KELANTAN
Mampukah BN Gugat Angkatan?

Cetakan Pertama Oktober 1994

© MOHD SAYUTI OMAR (MSO)

HAK CIPTA TERPELIHARA - Mana-mana bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh dihasil semula, disimpan dalam sistem simpan-kekal atau dipindah dengan sebarang bentuk atau cara, elektronik, sawatan, salinan, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada Penerbit.

Diterbitkan
TINTA MERAH
301 Block A 11 Seksyen 4, Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-412 2301

Muka taip teks : New Century Schlbk
Saiz: 11/13

Dicetak
ISTIRAMAI ENTERPRISE SDN. BHD.
No 6 & 12, Jalan Nirwana 37,
Taman Nirwana, 68000 Ampang,
Selangor DE.

ISBN: 983-9032-15-1
HARGA: RM 10.00

*Dedikasi khusus dan istimewa untuk
kekanda*

*Haji Ahmad Laksamana Alhaj
Nawiah Haji Salleh,
Bakeri Abd Manaf
Zaidah Omar*

dan semua anak-anak saudara

*"Nilai persaudaraan dan
perdamaian itu
adalah sejambak kunci Syurga...."*

*Salam dari kami,
anak beranak di KL.*

pahit untuk diterima oleh pihak berkenaan.

Sudah menjadi tugas dan tanggungjawab saya untuk mengulas dan mendedahkan sesuatu kepincangan politik kepada masyarakat.


Perlu dijelaskan dalam konteks buku ini, apa jua pandangan, ulasan dan pengesyoran saya, saya buat bukan berdasarkan kepentingan mana parti atau tokoh, sebaliknya ia bertunjangkan kepada kepentingan umum rakyat Kelantan.

Saya berharap dengan muncul buku ini sedikit sebanyak ia memberi faedah kepada kita semua dalam usaha untuk mendaulahkan agama tercinta kita Islam, serta mengeratkan lagi tali silaturahim sesama kita.

Akhir sekali saya ucapkan terima kasih diatas perhatian anda semua terhadap buku-buku tulisan/terbitan saya.

Seperti biasa saya bersedia untuk dikritik, kerana kritikan itu akan mematangkan daya intelektual kita.

Wassalam.



Mohd Sayuti Omar
Penerbit/Pengarang
Kuala Lumpur
4hb. September 1994.



PENDAHULUAN

KELANTAN tidak pernah terlepas daripada intipan teropong para pemerhati politik baik dari dalam maupun luar negeri. Apa sahaja yang berlaku di Kelantan ia menjadi perhatian umum. Hakikat ini dapat dilihat bila setiap kali tercetus sesuatu insiden ataupun peristiwa di Kelantan ia terus menjadi isu yang kontroversi. Kadang kala isu itu dijadikan isu politik peringkat nasional.

Banyak contoh yang dapat disebutkan di sini. Antara mengenai hasrat kerajaan Pas untuk melaksanakan Hukum Hudud. Cadangan ini telah menjadi isu panas. Ia telah dipolitikkan oleh pihak UMNO untuk meruntuhkan kerajaan Pas. Isu mengenai hudud ini berlarutan sampai kini.

Satu lagi ialah mengenai pindaan perlembagaan yang melibatkan Raja-raja Melayu yang timbul tidak lama dahulu. Keengganan Sultan Kelantan untuk tidak menurut kehendak pihak tertentu menyebabkan sultan Kelantan difitnah. Sultan Kelantan dijadikan isu